

NO. SOALAN: 41

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JULIAN TAN KOK PING [STAMPIN]

TARIKH : 16 MAC 2016

RUJUKAN : 8766

SOALAN:

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan daripada 1.5juta rakyat Bangladesh yang akan dibawa masuk, berapa jumlah yang akan ditempatkan di Sarawak. Sehingga terkini, berapa jumlah warga pekerja asing yang berada di Sarawak, sila senaraikan mengikut Negara mereka serta tarikh masuk mereka ke Sarawak sehingga sekarang.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Menyentuh isu 1.5 juta pekerja asing Bangladesh yang dibangkitkan oleh YB, kerajaan tidak bercadang untuk membawa 1.5 juta pekerja asing Bangladesh. Dalam Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Kerajaan Republik Bangladesh tidak dinyatakan jumlah pekerja asing yang akan dibawa masuk. Jumlah sebenar kemasukan pekerja asing Bangladesh kelak akan bergantung kepada keperluan sebenar majikan semasa permohonan dibuat dan akan dinilai berdasarkan kelayakan serta kemampuan setiap majikan untuk mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan pada 19 Februari 2016 telah memutuskan untuk menangguhkan semua permohonan pengambilan pekerja asing baru termasuk pekerja asing warganegara Bangladesh sehingga Kerajaan berpuas hati dengan keperluan sebenar oleh pihak industri.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 31 Januari 2016, jumlah pekerja asing yang memegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang masih sah dan aktif di Sarawak adalah seramai 108,234 orang. Jumlah ini mewakili

pekerja asing yang digaji secara sah dan dikeluarkan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) oleh Jabatan Imigresen Malaysia.

Pecahan pemegang PLKS bagi negeri Sarawak mengikut lima (5) warganegara tertinggi bagi tempoh sehingga 31 Januari 2016 adalah seperti berikut :

BIL.	WARGANEGARA	JUMLAH (ORANG)
1.	Indonesia	95,146
2.	China	4,243
3.	India	2,235
4.	Bangladesh	1,838
5.	Filipina	1,718
	JUMLAH	105,180